



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 59
No. 20

24hb September 2015

*TAMBAHAN
No. 1*

AKTA BINATANG 1953

ANIMALS ACT 1953

No. 1000.

KEHENDAK MENURUT SUBSEKSYEN 42(4)

REQUIREMENT UNDER SUBSECTION 42(4)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 42(4) Akta Binatang 1953 [Akta 647], Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang dengan ini menghendaki supaya dibawa setiap anjing yang berumur tiga bulan dan lebih pada tarikh Perintah Suntikan Pencegahan Penyakit Anjing Gila (Negeri Pulau Pinang) 2015 berkuat kuasa untuk ditanda serta disuntik supaya terpelihara daripada mendapat penyakit anjing gila, pada tarikh, waktu dan tempat yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini.

In exercise of the powers conferred by subsection 42(4) of the Animals Act 1953 [Act 647], the Director of Veterinary Services of Penang hereby requires every dog aged three months and above on the date of coming into operation of the Anti-Rabies Vaccination (State of Penang) Order 2015 be brought to be marked and vaccinated against rabies, at such date, time and place as stated in the Schedule below.

JADUAL/SCHEDULE

Tarikh/ <i>Date</i>	Kawasan/ <i>Area</i>	Pusat Suntikan/ <i>Vaccination Centre</i>	Waktu/ <i>Time</i>
Hari bekerja/ <i>Working day</i>	Seberang Perai Utara	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Seberang Perai Utara 1877 Jalan Pokok Machang Pulau Pinang	8.30 pagi/ <i>a.m.</i> – 12.30 tengah hari/ <i>noon</i> 2.30 petang/ <i>p.m.</i> – 4.30 petang/ <i>p.m.</i>
Hari bekerja/ <i>Working day</i>	Seberang Perai Tengah	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Seberang Perai Tengah Cherok Tok Kun, Jalan Kulim Bukit Mertajam Pulau Pinang	8.30 pagi/ <i>a.m.</i> – 12.30 tengah hari/ <i>noon</i> 2.30 petang/ <i>p.m.</i> – 4.30 petang/ <i>p.m.</i>
Hari bekerja/ <i>Working day</i>	Seberang Perai Tengah	Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jalan Bukit Tengah Bukit Mertajam Pulau Pinang	8.30 pagi/ <i>a.m.</i> – 12.30 tengah hari/ <i>noon</i> 2.30 petang/ <i>p.m.</i> – 4.30 petang/ <i>p.m.</i>
Hari bekerja/ <i>Working day</i>	Seberang Perai Selatan	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Seberang Perai Selatan Sungai Jawi, Sungai Bakap Pulau Pinang	8.30 pagi/ <i>a.m.</i> – 12.30 tengah hari/ <i>noon</i> 2.30 petang/ <i>p.m.</i> – 4.30 petang/ <i>p.m.</i>
Hari bekerja/ <i>Working day</i>	Daerah Timur Laut	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Timur Laut Jalan Kg. Jawa Baru Pulau Pinang	8.30 pagi/ <i>a.m.</i> – 12.30 tengah hari/ <i>noon</i> 2.30 petang/ <i>p.m.</i> – 4.30 petang/ <i>p.m.</i>
Hari bekerja/ <i>Working day</i>	Daerah Barat Daya	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Barat Daya Balik Pulau Pulau Pinang	8.30 pagi/ <i>a.m.</i> – 12.30 tengah hari/ <i>noon</i> 2.30 petang/ <i>p.m.</i> – 4.30 petang/ <i>p.m.</i>

Bertarikh 17 September 2015

Dated 17 September 2015

[VPP 06/07 Jld. 2(71); PPUNPP 352/100/1/2/EA/48]

DR. SITI SALMIYAH BINTI TAHIR
*Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Pulau Pinang/
Director of Veterinary Services
Penang*

No. 1001.

PEMBERITAHUAN MENURUT PERENGGAN 42(6)(a)

NOTIFICATION UNDER PARAGRAPH 42(6)(a)

Oleh kerana Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang, pada 15 September 2015, telah mengeluarkan Perintah Suntikan Pencegahan Penyakit Anjing Gila (Negeri Pulau Pinang) 2015 di bawah subseksyen 42(1) Akta Binatang 1953 [Akta 647]

dalam Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 42(6)(a) Akta 647, Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang dengan ini memaklumkan bahawa tiap-tiap anjing yang berumur tiga bulan dan lebih dalam Negeri Pulau Pinang hendaklah, selepas 15 September 2015 dan bila-bila masa semasa Perintah tersebut berkuat kuasa, memakai pada badannya satu lencana bernombor yang dikeluarkan bagi tahun 2015 oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia yang menjadi keterangan bahawa anjing itu telah disuntik supaya terpelihara daripada penyakit anjing gila.

Mana-mana anjing yang berumur tiga bulan dan lebih yang dijumpai di dalam Negeri Pulau Pinang selepas 15 September 2015, sama ada merayau-rayau atau tidak, yang tidak memakai lencana suntikan yang tersebut itu akan dimusnahkan.

Whereas Y.A.B. Chief Minister of Penang, has on 15 September 2015, made the Anti-Rabies Vaccination (State of Penang) Order 2015 under subsection 42(1) of the Animals Act 1953 [Act 647] in the State of Penang. Now, therefore in exercise of the power conferred by paragraph 42(6)(a) Act 647, the Director of Veterinary Services of Penang requires that every dog of three months of age and above in the State of Penang shall, after 15 September 2015 and at all times during the continuance in force of the Order, carry upon it a serially numbered badge issued for the year 2015 by the Veterinary Department of Malaysia as evidence of it having been vaccinated against rabies.

Any dog of the age of three months and above found within the State of Penang after 15 September 2015, whether at large or not, which does not carry the said vaccination badge may be destroyed.

Bertarikh 17 September 2015

Dated 17 September 2015

[VPP 06/07 Jld. 2(71); PPUNPP 352/100/1/2/EA/48]

DR. SITI SALMIYAH BINTI TAHIR
*Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Pulau Pinang/
Director of Veterinary Services
Penang*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA